

14 NOV 1997

Lima-kapal selam

KAPAL SELAM MUNCUL PERTAMA KALI DI LIMA `97

KUALA LUMPUR, 14 Nov (Bernama) -- Buat pertama Pameran Antarabangsa Maritim dan Aeroangkasa Langkawi yang diadakan dua tahun sekali akan disertai oleh kapal-kapal selam bulan depan.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata hari ini Lima `97 yang akan berlangsung pada 2 hingga 7 Disember di pulau peranginan itu juga akan mempunyai penyertaan terbanyak dengan setakat ini 903 syarikat dari 40 negara yang telah mengesahkan penyertaan mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat terakhir jawatankuasa Kabinet mengenai Lima '97 di pejabatnya di sini, Syed hamid berkata beliau puas hati dengan keseluruhan persediaan pameran itu.

"Persediaan prasarana sangat memuaskan beserta juga langkah-langkah keselamatan dan kawalan lalulintas," katanya.

Katanya pihak-pihak terlibat seperti Pejabat Daerah Langkawi, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Pertahanan dan juga penaja-penaja korporat telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan kejayaan acara antarabangsa itu.

Lima `95 telah disertai oleh 642 syarikat dari 35 negara, pada tahun 1993 terdapat 375 peserta dari 23 negara dan pada tahun 1991 terdapat 98 peserta dari 15 negara.

Tahun ini, sebanyak 85 pesawat dan 50 kapal akan dipamerkan berbanding dengan 84 pesawat dan 28 kapal pada tahun 1995, 39 pesawat dan 32 kapal pada tahun 1993 dan 37 kapal pada tahun 1991.

Syed Hamid berkata beliau akan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Isnin ini untuk memberitahu beliau mengenai perkembangan terbaru persediaan Lima '97. -- BERNAMA

NI WAT